

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN : Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan impak yang telah diberikan oleh Program Turun Harga Pasar Tani yang telah diperkenalkan oleh Kementerian baru-baru ini dan sejauh mana tempoh program ini akan diteruskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Impak Program Jualan Turun Harga di Pasar Tani adalah seperti berikut

:

- (i) Memberi nilai penjimatan antara 5 ke 20% kepada pengguna dengan anggaran sebanyak RM139 juta setahun;
- (ii) Peningkatan bilangan pengunjung ke Pasar Tani diseluruh negara sebanyak 10 hingga 20 % daripada bilangan pengunjung sedia ada antara 500 hingga 1,000 orang;

- (iii) Purata nilai jualan bagi komoditi utama di Pasar Tani meningkat sebanyak 13%; dan
- (iv) Mendorong peruncit lain untuk mengurangkan harga jualan.

Buat masa ini, program akan diteruskan memandangkan sambutan yang diterima daripada pengguna adalah amat menggalakkan.